

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG**

**TARIKH : 13.3.2018**

**SOALAN : NO. 38**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) berapakah jumlah universiti di Negara China dan Taiwan yang telah mendapat pengiktirafan kelayakan dari Malaysia; dan
- (b) jumlah rakyat Malaysia yang sedang mengikuti pembelajaran di negara tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menjalin kerjasama dengan Negara China menerusi Perjanjian Persefahaman *Mutual Recognition in Academic Higher Education Qualifications* yang telah ditandatangani 28 April 2011. Di bawah perjanjian ini, Malaysia telah mengiktiraf sebanyak 1,243 buah Institusi Pendidikan Tinggi di China untuk disenaraikan di bawah perjanjian persefahaman berkenaan. Manakala melalui perjanjian *Joint Statement of Confidence* antara KPT dan *Higher Education Evaluation and Accreditation Council of Taiwan* telah menyatakan

persefahaman berhubung keputusan akreditasi program yang melibatkan kedua-dua negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga 31 Disember 2017, jumlah pelajar Malaysia yang telah mendaftar dengan pejabat Education Malaysia di China adalah seramai 6,880 orang. Manakala bilangan pelajar di Taiwan adalah seramai 11,493 orang.